

## MODEL KONSEP PENDIDIKAN ISLAM HEUTAGOGI (MKPIH) KE ARAH PEMBENTUKAN MURID MADANI

\*Noor Muslieah Mustafa Kamal<sup>1</sup>, Zaharah Hussin<sup>2</sup>, Abdul Muhsien Sulaiman<sup>2</sup>, Mastura Halim<sup>3</sup> & Zaliyana Mohd Hanafiah<sup>3</sup>

### ABSTRACT

The formation of *murid madani* aspires to produce a future generation of skilled students possessing holistic potential. The nation's aspiration to elevate the quality of education must be realized by applying futuristic pedagogies, such as the heutagogical approach. Heutagogy emphasizes student-centred teaching and learning while focusing on *karamah insaniah* through lifelong knowledge and skill development. Furthermore, the foundational principles of heutagogy align with the goals of Islamic Education, which aim to foster student potential through continuous education and guidance. Therefore, the Heutagogical Islamic Education Conceptual Model (MKPIH) should be introduced to enhance Islamic Education teachers' understanding of the heutagogical approach to teaching and learning. Four teachers from four schools in four states, namely Kelantan, Pahang, Terengganu, and Selangor, were selected as study participants using purposive sampling techniques. In addition, focused group discussions with eight students and document analysis were conducted. Triangulation, continuous engagement, member checks, audit trails, and peer reviews were employed to address data validity and reliability issues. Data were thematically analyzed to filter codes, forming criteria, and finally building relevant themes using the software NVivo 12 Plus. The findings indicate that teachers comprehensively understand the heutagogical approaches applied in Islamic Education. The heutagogical concept comprises five elements: student autonomy, student-centeredness, the teacher as a guide, the use of technology, and alignment with religious demands. The principle of heutagogy, which highlights the student as the main agent of learning, is not unfamiliar to teachers, as they appear capable of emphasizing it in their teaching processes. Therefore, the Heutagogical Islamic Education Conceptual Model (MKPIH) is relevant in strengthening teachers' understanding of their role in shaping murid madani. This approach meets the demands of modern education and consistent with religious requirements, ensuring that students are equipped with lifelong skills for the future.

**Keywords:** Heutagogy, Islamic Education, Islamic Education teachers, Madani students

[1]  
Institut Pendidikan Guru Malaysia  
Cyberjaya  
*muslieahmustafa@gmail.com*

[2]  
Universiti Malaya

[3]  
Institut Pendidikan Guru Kampus  
Bahasa Melayu Kuala Lumpur

## PENGENALAN

Penerapan Gagasan Malaysia Madani di sekolah memainkan peranan penting untuk membentuk generasi muda yang mempunyai ketinggian nilai dan budi bahasa. Pendidikan bukan sekadar wadah penyampaian ilmu, namun dapat mencungkil potensi dan bakat murid secara menyeluruh seiring negara yang lebih mampan, makmur dan adil. Keperluan menyemai nilai adab dan akhlak yang diutamakan untuk pembentukan karakter merupakan usaha Kementerian Pendidikan Malaysia, merangka Kurikulum 2027 yang berasaskan standard dan beorientasikan kompetensi. Hal ini juga sejajar dengan konsep Malaysia Madani yang bertujuan untuk membina masyarakat seimbang daripada aspek intelektual, rohani dan emosi serta beteraskan nilai-nilai etika dan akhlak yang kukuh (Suliah Mohd Aris et al., 2023). Kesepaduan Pendidikan Islam bukan sahaja berupaya memupuk murid cemerlang dari segi akademik, tetapi juga memiliki keperibadian mulia serta mampu memberikan sumbangan yang positif kepada masyarakat. Bahkan konsep Madani dalam Pendidikan Islam bertepatan anjuran agama untuk mempersiapkan murid dengan nilai spiritual dan prinsip Islam yang mantap dalam menghadapi cabaran dunia moden.

Pendekatan Heutagogi bukanlah satu pandangan baru tentang ilmu pengetahuan dan cara manusia memperoleh ilmu. Pendekatan Heutagogi, atau dikenali sebagai *self-determined learning* bermaksud pembelajaran yang ditentukan sendiri, diketengahkan berdasarkan kritikan terhadap pendekatan pembelajaran tradisional yang meletakkan guru sebagai pusat pembelajaran (Hase & Kenyon, 2000). Heutagogi merupakan strategi pembelajaran berpusatkan murid (Hase & Kenyon, 2007) dengan menjadikan murid sebagai titik utama dalam aktiviti pembelajaran. Sehubungan dengan itu, pengajaran dengan mengamalkan pendekatan heutagogi berupaya memberi kebebasan kepada murid untuk menentukan kandungan, aktiviti dan bahan pembelajaran mereka sendiri dan disokong dengan kemudahan teknologi (Sumarsono, 2020) yang membolehkan murid mengembangkan kemahiran mengikut rentak sendiri.

Selain itu, pendekatan heutagogi menekankan proses tentang apa dan bagaimana ilmu diperolehi di samping pengisian ilmu tersebut. Hal ini bermakna murid boleh mencari dan menentukan apa yang ingin dipelajarinya secara bebas kerana variasi sumber pengajaran amat penting bagi membolehkan akses murid kepada pengetahuan dan kemahiran secara kendiri. Bahkan, peranan guru sebagai fasilitator penting untuk menggalakkan autonomi murid untuk membuat pilihan dan keputusan dalam pembelajaran (Hase & Kenyon, 2000; Blaschke & Hase, 2019). Dengan cara ini, guru memberikan panduan untuk memastikan murid memperoleh pengetahuan dan kemahiran yang diinginkan sambil menggalakkan mereka untuk meneroka secara mandiri dan kritis.

Penglibatan murid dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang diutamakan dalam pendekatan ini tidak mengira proses PdP secara formal atau tidak formal (Blaschke, 2012; Hase, 2011). Hal ini demikian kerana mereka diberi peluang untuk menentukan kandungan pelajaran, objektif, aktiviti dan penilaian dalam proses pembelajaran yang membolehkan pengetahuan dan kemahiran murid meningkat. Apabila murid itu belajar dengan mengurangkan kebergantungan pada guru, ini akan dapat memberikan momentum untuk mereka berusaha dengan lebih giat lagi. Pengalaman yang diperolehi, sama ada daripada segi kejayaan maupun kegagalan, berfungsi sebagai persediaan penting untuk masa depan, membantu membentuk murid menjadi individu yang lebih berdikari dan berdaya tahan.

Perbincangan tentang heutagogi dalam Islam berkisarkan tentang inisiatif pendidikan yang bermula daripada murid itu sendiri sehingga mereka boleh menentukan apa dan bagaimana pembelajaran berlaku (Sudarwan, 2015). Proses pendidikan merupakan pengajaran guru dan pembelajaran murid sebagai subjek utama sebagaimana yang berlaku antara Rasulullah SAW dan malaikat Jibril sewaktu wahyu diturunkan. Secara tidak langsung, heutagogi berselari dengan konsep mencari ilmu (*thalab al-'ilm*) dalam Pendidikan Islam yang disebut sebagai pembelajaran kendiri untuk murid memperoleh ilmu pengetahuan dan sahsiah (Syafri et al., 2021). Muhammad ibn Mathr Al-Zahrâni (2005) memperihalkan empat asas belajar (*thalab al-'ilm*) iaitu: 1) niat, motivasi atau semangat sebagai proses awal belajar (*awwal al-'ilm al-niyyah*), 2) bertahap atau proses belajar (*manâzil al-'ilm*), 3) adab atau etika sebelum belajar (*al-adab qabl al-thalab*) dan 4) mengaplikasikan hasil belajar melalui situasi sebenar dalam bentuk amalan (*iqtirâن al-'ilm bi al-'amal*) (Syafri et al., 2021). Malah, Syafri et al.

(2021) menyatakan lagi bahawa motivasi intrinsik merupakan kunci utama untuk belajar secara kendiri kerana seseorang memerlukan suntikan semangat untuk belajar.

Dalam pendidikan madani, pendekatan heutagogi memainkan peranan penting dalam memperkuuhkan konsep pembelajaran berpusatkan murid. Ini selaras dengan nilai-nilai madani seperti toleransi, keadilan sosial, dan menghargai kepelbagaiannya. Melalui pendekatan ini, murid diajar untuk mengamalkan kebebasan dalam memilih dan mengatur pembelajaran mereka, dengan menekankan aspek pembangunan diri dan kreativiti. Selain itu, dengan penerapan kemahiran teknologi moden seperti kecerdasan buatan (AI), murid dapat menggabungkan ilmu agama dengan kemahiran kontemporari, yang menyokong pembangunan Malaysia Madani sebagai masyarakat yang inklusif dan progresif (Mohd Nasrun Mohd Talib et al., 2024).

Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk memberikan satu gambaran yang jelas tentang konsep Pendidikan Islam menggunakan pendekatan heutagogi.


## METODOLOGI

Penyelidikan ini dijalankan secara kualitatif dengan reka bentuk kajian kes terhadap empat orang guru Pendidikan Islam di empat buah sekolah di empat negeri iaitu Kelantan, Pahang, Terengganu dan Selangor. Pemilihan peserta kajian menggunakan kaedah persampelan bertujuan memperolehi maklumat yang kaya dan mendalam. Empat orang guru telah dipilih sebagai peserta kajian mempunyai kriteria berikut, iaitu: 1) menampilkan pengajaran dengan pendekatan heutagogi, 2) menerima pengiktirafan berkaitan pengajaran, 3) mempunyai ikhtisas dan mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam, dan 4) sukarela dan memberikan kerjasama. Pengumpulan data bagi kajian ini menggunakan temu bual separa berstruktur, perbincangan kumpulan berfokus lapan orang murid dan analisis dokumen. Strategi triangulasi, hubungan berterusan, *members check*, jejak audit, dan *peer review* dilakukan untuk menangani isu kesahan dan kebolehpercayaan data kajian. Data dianalisis secara tematik bertujuan menyaring kod, membentuk kriteria dan akhirnya membina tema yang relevan menggunakan perisian NVivo 12 Plus.

## DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian secara tematik telah berjaya menghasilkan Model Konsep Pendidikan Islam Heutagogi seperti berikut:

Rajah 1: Model Konsep Pendidikan Islam Heutagogi



## PERBINCANGAN

Secara umumnya, pendekatan heutagogi daripada lima elemen iaitu (1) autonomi murid, (2) berpusatkan murid, (3) guru sebagai pembimbing, (4) penggunaan teknologi dan (5) selari dengan tuntutan agama. Prinsip heutagogi yang mengetengahkan murid sebagai agen pembelajaran utama bukanlah sesuatu yang asing kepada guru. Ini disokong dengan data perbincangan berfokus bersama murid di mana GPI tidak sekadar menumpu kepada penyampaian ilmu secara teori, malah berusaha menanamkan penghayatan terhadap ilmu dengan menggalakkan amali dan praktik menerusi silibus Pendidikan Islam yang diajar.

Pendekatan heutagogi meningkatkan yang autonomi murid bertepatan dengan kerangka pendidikan ke arah memperkasa keupayaan murid. Bagi guru, murid mestilah mempunyai daya usaha sendiri untuk mencari dan meneroka ilmu pengetahuan dan maklumat yang diperlukan dalam pembelajaran mereka. Dorongan kepada kewujudan autonomi disebabkan oleh usaha yang ditunjukkan oleh murid sendiri (Ryan & Deci, 2004). Sikap untuk berusaha sendiri ini berkait rapat dengan dorongan dalaman yang dikenali sebagai motivasi intrinsik. Dalam konteks pembelajaran, motivasi intrinsik sering dikaitkan dengan tujuan dari diri murid itu sendiri serta minat yang tersendiri terhadap sesuatu subjek atau aktiviti tersebut (Muhammad Ikmal Rezal Othman et al., 2020). Pengkaji melihat corak pemahaman peserta kajian berkaitan autonomi murid juga dibina apabila mereka dapat belajar melalui pengalaman yang dialami semasa proses pembelajaran. Selain itu, peserta kajian dilihat berusaha memupuk semangat berdikari dan kebebasan untuk bertindak menerusi pendekatan heutagogi. Hal ini selari dengan pendapat Muhammad Zulazizi Mohd Nawi (2021) yang menyatakan bahawa Islam memberi kebebasan dalam penerokaan dan penyelidikan dalam urusan keduniaan asalkan tidak melangkaui batasan yang ditetapkan oleh syariat. Justeru itu, pendekatan heutagogi itu sendiri itu memerlukan murid untuk mengambil tanggungjawab untuk mengawal pembelajaran dengan menentukan apa dan bagaimana mereka akan belajar sesuatu perkara.

Pemahaman guru berkaitan pendekatan heutagogi juga berkaitan dengan pemasatan terhadap murid. Dapatan kajian menemukan dua cara yang diberi penekanan oleh peserta kajian dalam melaksanakan pengajaran secara heutagogi yang berpusatkan murid, iaitu pemberian tugas dan aktiviti pembelajaran yang menarik. Dapatan mengenai pemberian tugas kepada murid menyamai kajian Akyildiz (2019) yang menyarankan tugas seperti projek, pembelajaran berasaskan masalah dan kerja berkumpulan. Pemberian tugas oleh guru di samping adanya pengetahuan sedia ada murid dapat menggalakkan murid untuk menghasilkan tugas yang sempurna. Meskipun Hase dan Kenyon (2000) menegaskan bahawa heutagogi lebih bersifat fleksibel dan tidak terikat kepada perancangan tertentu, peserta kajian mengadaptasi konsep ini dengan membuka peluang kepada murid untuk berbincang mengenai tugas yang diberikan. Menyedari kepentingan pemilihan aktiviti yang mempengaruhi penglibatan murid, peserta kajian telah mencipta pelbagai aktiviti mengikut kreativiti mereka sendiri. Kepelbagaiannya aktiviti dapat mewujudkan persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan (Sharifah Nor Puteh & Aliza Ali, 2016). Aktiviti PdP perlu dirancang dan dikelolakan dengan lebih teliti dan ceria untuk menjamin setiap murid mendapat peluang yang sama untuk mencuba pelbagai kemahiran (Mardziah Abdullah et al., 2021).

Meskipun begitu, pendekatan heutagogi menekankan murid sebagai ejen pembelajaran, pemahaman peserta kajian terhadap pendekatan heutagogi dalam pengajaran hendaklah mengutamakan peranan guru sebagai pembimbing. Walaupun indikator bahawa murid tersebut mengalami pembelajaran kendiri dapat dilihat apabila mereka mampu membuat penerokaan sendiri tanpa perlu menunggu arahan daripada guru. Namun begitu, murid perlu dibimbing sepanjang pembelajaran di samping kawalan dan pemantauan secara minima. Hal ini demikian kerana peserta kajian berpandangan bahawa murid memiliki ilmu pengetahuan dan pengalaman yang terhad. Perkara ini telah dibincangkan oleh Hase dan Kenyon (2000) dan disokong oleh kajian-kajian lepas mengenai bimbingan yang berterusan perlu diberikan kepada murid (Akyildiz, 2019; Nurul Shakirah Mohd Zawawi & Intan Shafinaz Mohammad, 2019; Reeve, 2006).

Peserta kajian juga berpendapat bahawa bimbingan yang diberikan oleh guru termasuk memelihara hubungan antara kedua belah pihak. Perkara ini telah dibincangkan oleh Vellymalay (2016) mengenai sikap ambil berat dan prihatin oleh guru terhadap murid penting bagi mendorong murid menunjukkan minat dan penglibatan yang tinggi dalam aktiviti dalam bilik darjah untuk meningkatkan pencapaian murid dalam pelajaran mereka. Dapatan kajian mendapati hubungan yang positif antara GPI dan murid telah memudahkan proses didikan, merapatkan

jurang serta berupaya memberikan sentuhan kasih sayang. Hubungan baik antara guru dan murid bukan setakat di sekolah sahaja, tetapi akan berterusan sehingga di rumah. Selain itu, peserta kajian juga yakin bahawa murid berupaya melibatkan diri dalam aktiviti perbincangan untuk menjana idea lebih baik kerana keselesaan dalam pembelajaran dengan hubungan baik yang telah terbentuk. Seterusnya, dapatan kajian bagi pemahaman guru berkaitan pendekatan heutagogi dalam pengajaran juga memperlihatkan penggunaan teknologi sebagai mempromosikan pembelajaran kendiri. Penggabungan prinsip heutagogi dan teknologi membolehkan pendekatan ini menyediakan ruang untuk guru mereka bentuk dan membangunkan persekitaran berpusatkan murid yang berpotensi untuk melengkapkan yang diperlukan untuk pembelajaran sepanjang hayat (Blaschke, 2018).

Elemen keempat ialah penggunaan teknologi. Menurut elemen ini, guru dikehendaki membuat pengubahsuaian terhadap penyampaian pendidikan yang menjadikan bahagian autonomi murid lebih luas dan fleksibel (Sohrabi et al., 2020). Menyedari kepentingan pembelajaran secara fleksibel akan mempengaruhi cara belajar murid semasa PdPR, guru tidak mengikat murid kepada penggunaan yang terhad kepada sesuatu alat tertentu. Murid bebas memilih alat yang mampu dan sesuai untuk memberikan capaian internet dengan mudah. Integrasi teknologi membolehkan penyampaian dan perolehan ilmu pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja. Bahkan, longgokan sumber pelajaran dengan sajian pelbagai pilihan dapat memberi kebebasan kepada murid untuk memilih bahan yang bersesuaian mengikut kefahaman dan penerimaan mereka.

Seterusnya, kajian ini menemukan dapatan kajian baharu yang berkaitan pendekatan heutagogi dalam pengajaran guru Pendidikan Islam. Bagi peserta kajian, pendekatan heutagogi berselari dalam Islam yang berkait rapat dengan pengamalan ilmu dalam kehidupan. Pemahaman ini wujud akibat kesedaran peserta kajian yang menyatakan bahawa pengetahuan berkaitan teori perlu digarap dengan praktis sebagai amalan bagi memastikan perubahan tingkah laku murid. Dengan mengetengahkan agensi manusia, pendekatan heutagogi menyarankan cara belajar manusia ialah dengan mengalami sendiri pembelajaran tersebut. Hal ini bermakna, pembelajaran bukan sekadar mendapatkan pengetahuan tetapi mestilah mestilah disertai dengan praktik dan amali. Elemen amalan lazimnya merujuk kepada bidang ibadah berdasarkan subjek Pendidikan Islam yang diberi tumpuan dimulai dengan kurikulum Pendidikan Islam pada tahun 1987, KBSM dan diteruskan dalam KSSM. Jika dilihat dalam konteks KSSM, Pendidikan Islam berfokuskan kepada ilmu, amali, amalan, penghayatan dan pembudayaan. Ilmu yang disampaikan kepada murid perlu diajar secara amali terlebih dahulu sebelum mereka dapat mengamalkan dalam kehidupan seharian. Kemudian, murid dapat menghayati kesan dan pengajaran daripada amalan yang dilakukan sehingga dapat dibudayakan bersama orang lain. Oleh hal yang demikian, guru Pendidikan Islam dilihat berkebolehan menampilkan cara pengajaran yang sinonim dengan prinsip heutagogi kerana memahami kehendak kedua-dua perspektif yang mengutamakan pencapaian potensi murid.

Keselarian Pendidikan Islam dan pendekatan heutagogi melibatkan kriteria amalan dan penghayatan sebagai cara mendapatkan ilmu dan pengalaman daripada perspektif Islam. Justeru, saranan al-Quran supaya pembelajaran kendiri bermula daripada diri sendiri dijalankan mengikut kemampuan untuk mempelajari sesuatu (Surah al-Alaq 96:1-5), boleh diaplikasikan kepada penerapan pendekatan heutagogi dalam Pendidikan Islam. Jika disingkap daripada lensa sejarah Islam, Nabi Muhammad S.A.W juga melakukan usaha membaca buat pertama kali tanpa bimbingan dan ajaran daripada siapa pun sebelumnya. Selain itu, kajian ini mendapati penerapan pendekatan heutagogi dalam Pendidikan Islam amat perlu untuk membangunkan potensi murid yang mempunyai ilmu pengetahuan, amalan dan penghayatan dalam beragama, rasional dan mempunyai prinsip dalam menjalani kehidupan dalam abad ke-21. Oleh itu, dapatan ini selari dengan gugusan ayat al-Quran (Surah ar-Ra'd 13:11) yang menekankan usaha pendidikan dalam rangka perubahan dan pengembangan potensi manusia dan menyarankan murid memaksimakan potensi yang ada secara menyeluruh sama ada jasmani, pemikiran atau perasaannya (Surah at-Tin 95: 4).

Pembentukan Model Konsep Pendidikan Islam Heutagogi menunjukkan keupayaan guru dalam melaksanakan kepelbaaan dalam penyampaian ilmu. Pemahaman yang menyeluruh terhadap konsep yang dikemukakan dapat mengangkat kembali pemerksaan murid dalam pembelajaran seperti mana sifat belajar itu berlaku secara semula jadi. Model Konsep Pendidikan Islam Heutagogi yang dibina secara bersistematik ini berpotensi mengubah cara murid untuk mendapatkan pengetahuan. Dalam masa yang sama, usaha kerajaan untuk membudayakan pendekatan heutagogi dan membentuk peranan guru sebagai fasilitator akan tercapai. Selain

itu, panduan ini juga dapat membantu pihak pemegang taruh dalam merangka usaha penambahbaikan pengajaran guru, khususnya guru Pendidikan Islam. Model ini dapat diperluaskan dalam program pemantapan kursus pedagogi guru termasuklah kepada guru-guru baharu. Bahkan, model ini juga akan dapat diadaptasi ke dalam mata pelajaran lain mengikut kesesuaian bagi memantapkan lagi pedagogi PdP di sekolah.

## KESIMPULAN

Pemahaman dan amalan pengajaran guru Pendidikan Islam terhadap pendekatan heutagogy memperlihatkan tuntutan perubahan dalam proses pendidikan yang amat kompleks untuk diterapkan kepada murid dalam membentuk masyarakat Madani yang seimbang. Autonomi murid, pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan murid, guru berperanan sebagai pembimbing dan penggunaan teknologi merupakan aspek utama dalam merealisasikan pendekatan heutagogy dalam pengajaran Pendidikan Islam. Tidak terpisah daripada aspek agama, pendekatan heutagogy dalam pengajaran Pendidikan Islam dilihat berselari dengan tuntutan syariat yang memeringkatkan praktis dan amali untuk penghayatan ilmu yang lebih mendalam. Pendidikan Islam ialah gerbang utama konsep Madani yang menjadi dukungan dalam membentuk manusia yang berakhlaq mulia, sesuai dengan tuntutan al-Quran dan hadis. Oleh yang demikian, para pendidik disarankan supaya mempelbagaikan kaedah pengajaran sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Hal ini kerana, setiap aktiviti mempunyai kelebihan masing-masing untuk mengembangkan potensi dan kemenjadian murid yang mempunyai kepelbagaiannya penerimaan dalam proses pembelajaran. Kaedah PdP yang berkesan pasti dapat membantu pembentukan individu yang holistik serta lebih penting dapat melahirkan hamba dan khalifah Allah SWT yang beriman dan beramal soleh.

## RUJUKAN

- Akyildiz, S. T. (2019). Do 21st century teachers know about heutagogy or do they still adhere to traditional pedagogy and andragogy? *International Journal of Progressive Education*, 15(6), 151-169. <https://doi.org/10.29329/ijpe.2019.215.10>
- Blaschke, L. M., & Hase, S. (2019). Heutagogy and digital media networks: Setting students on the path to lifelong learning. *Pacific Journal of Technology Enhanced Learning*, 1(1), 1-14. <https://doi.org/10.24135/pjtel.v1i1.1>
- Blaschke, L. M. (2012). Heutagogy and lifelong learning: A review of heutagogical practice and self-determined learning. *International Review of Research in Open and Distance Learning*, 13(1), 56-71. <https://doi.org/10.19173/irrodl.v13i1.1076>
- Farrow, Robert (2018). *MOOC and the workplace: Key support elements in digital lifelong learning*. In: International Entrepreneurship as the Bridge between International Economics and International Business: Conference Proceedings of the 9th ENTRE Conference – 5th AIB-CEE Chapter Annual Conference, International Entrepreneurship | Przedsiębiorczość Międzynarodowa, Cracow University of Economics, Kraków, pp. 139– 150. <https://pm.uek.krakow.pl/article/view/1763>
- Hase, S. & Kenyon, C. (2000). *From andragogy to heutagogy*. Ulti-BASE In-Site.
- Hase, S. & Kenyon, C. (2007). Heutagogy: A child of complexity theory. *Complicity: An International Journal of Complexity and Education*, 4(1), 111-118. <https://doi.org/10.29173/cmplct8766>
- Khatijah Othman, Zulkiple Abd Ghani, Maziatusima Ishak, Siti Rugayah Tibek & Noor Azizi Ismail. (2017). Pembelajaran Islam sepanjang hayat (PISH): Ke arah melahirkan generasi seimbang untuk pembangunan negara. *'Abqari Journal*, 12, 107-119. <https://doi.org/10.33102/abqari.vol12no1.92>
- Mardziah Abdullah, Mariani Md Nor, & Fonny Dameaty Hutagalung. (2021). Pendekatan pengajaran bermain dibilik darjah dalam kalangan guru prasekolah. *Journal of Educational Research*, 39, 64-74. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JER/article/view/30732>
- Mohd Nasrun Mohd Talib, Mohd Hafizi Nurodin, Jamal Adli Ahmad Shukri, Ahmad Nur Amsyar Zainal, Ahmad Azharuddin Abdul Sattar, Saifulazry Mokhtar. (2024). Hala tuju Pendidikan tinggi Islam dalam memacu transformasi Malaysia madani. *Jurnal of Modern Education*, 6(22), 232-246.
- Muhammad Ikmal Rezal Othman, Nurazwa Ahmad, & Nor Kamariah Kamaruddin. (2020). Hubungan antara motivasi intrinsik dan ekstrinsik dengan pencapaian akademik pelajar UTHM. In *In book: Kajian Kes Di Malaysia* (pp. 45-52). Penerbit UTHM.

- Muhammad Ridhuan Tony Lim Abdullah & Saedah Siraj. (2012). Open Science Index, Educational and Pedagogical Sciences Vol:4, No:6, 2010 [waset.org/Publication/10646](http://waset.org/Publication/10646). *Open Science Index*, 4. Research in Education (5th ed., hal 571-597). McGraw-Hill.
- Muhammad Zulazizi Mohd Nawi. (2020). Transformasi pengajaran dan pembelajaran multimedia dalam pendidikan Islam: Satu perbincangan. *Journal of ICT in Education*, 7(2), 14-26. <https://doi.org/10.37134/jictie.vol7.2.2.2020>
- Nasrullah Subbekan. (2019). *Heutagogi dalam al-Quran: Kajian surat al-Alaq ayat 1— 5* [Master's Thesis, Universitas Islam Negeri Sunan Ampel].
- Nurul Shakirah Mohd Zawawi, & Intan Shafinaz Mohammad. (2019). Media sosial sebagai medium perkongsian maklumat dan pembelajaran kendiri dalam pengajaran dan pembelajaran. *E-Jurnal Liga Ilmu Serantau 2019: Malaysia Indonesia (LIS 2019)*, 1, 42- 60. [https://www.academia.edu/42796302/E\\_JURNAL\\_LIGA\\_ILMU\\_SERANTAU\\_2019](https://www.academia.edu/42796302/E_JURNAL_LIGA_ILMU_SERANTAU_2019)
- Deci, E. L. & Ryan, R. M. (2004). *Handbook of self-determination research*. University Rochester Press.
- Reeves, T. C. (2000). Alternative assessment approaches for online learning environments in higher education. *Journal of Educational Computing Research*, 23(1), 101-111. <https://doi.org/10.2190/GYMQ-78FA-WMTX-J06C>
- Sharifah Nor Puteh & Kamarul Azman Abd Salam. (2011). Tahap kesediaan penggunaan ICT dalam pengajaran dan kesannya terhadap hasil kerja dan tingkah laku murid prasekolah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 36(1), 25-34. <http://jurnalarticle.ukm.my/4364/>
- Sohrabi, C., Alsafi, Z., O'neill, N., Khan, M., Kerwan, A., Al-Jabir, A., Iosifidis, C. & Agha, R. (2020). World health organization declares global emergency: A review of the 2019 novel coronavirus (COVID-19). *International Journal of Surgery*, 76, 71-76.
- Suliah Mohd Aris, Fathiah Fathil & Shamsiah Sapri (2023). Pembentukan Masyarakat Madani Berpandukan Kaedah Pendidikan Bersepada Surah Luqman Ayat 12-19. *Jurnal 'Ulwan*, 8(3) 218-232
- Sumarsono, S. (2020). The paradigms of heutagogy and cybergogy in the transdisciplinary perspective. *Jurnal Pendidikan dan Pengajaran*, 52(3), 172-182. <https://doi.org/10.23887/jpp.v52i3.22882>
- Syafri, U. A., Maya, R. & Primarni, A. (2021). Implikasi konsep heutagogi dalam pendidikan Islam kontemporer. *2021*, 10(1), 12. <https://doi.org/10.32832/tadibuna.v10i1.4249>
- Vellymalay, S. K. N. (2016). Keberkesanan hubungan guru kelas-murid dalam merangsang kesedaran terhadap integrasi etnik dalam kalangan murid di bilik darjah. *Jurnal ILMI*, 1(1). <https://kuim.edu.my/journal/index.php/JILMI/article/view/39>
- Lubis, Z. (2016). "Kewajiban Belajar". Fakultas Tarbiyah dan Keguruan UIN Sumut Medan.
- Zakaria Stapa et al., 2012 – dalam tesis Imaaduddin Abdul Halim & Noor Shakirah Mat Akhir, 2016